

12 MAY 1996

RAZALEIGH AKAN KUKUHKAN LAGI UMNO DAN BN, KATA LING

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Kesediaan Tengku Razaleigh Hamzah untuk kembali ke pangkuan Umno akan mengukuhkan lagi parti itu sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN), kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Pada pandangan saya, kesediaan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu adalah suatu perkara yang baik bagi masa depan UMNO dan BN," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kemasukan semula Razaleigh kepada UMNO selepas merasmikan pusat perkhidmatan Anggota Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng di sini hari ini.

Razaleigh mengumumkan kesediaannya untuk kembali kepada UMNO pada Khamis lepas, sehari selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan yang Razaleigh akan menyertai semula parti itu.

Dr Ling berkata pulangnya Razaleigh ke pangkuan UMNO adalah sesuatu yang baik kerana UMNO adalah tulang belakang BN dan tulang belakang yang kuat sudah tentu baik untuk seluruh badan, menjadikan BN lebih mantap dan kuat.

"Saya percaya meskipun beliau berada dalam Semangat 46 selama ini, hati dan semangatnya sentiasa bersama UMNO, dan sudah pasti beliau akan merasa lebih seronok dan selesa jika kembali ke dalam keluarga asalnya." --

BERNAMA

ZAB AHH